

Pesta seks bongkar kes curi kereta

Kosmo 24/10/09 MS 7

GOMBAK - Tiga pasangan kekasih yang ghairah berpesta seks terkedu apabila rumah teres dua tingkat diserbu polis di Kampung Sungai Tua di Selayang dekat sini semalam.

Dua daripada tiga lelaki itu merupakan adik-beradik dan pemilik rumah tersebut.

Semasa pesta seks berlangsung, ibu bapa kepada kedua-dua beradik itu tiada di rumah kerana pulang ke kampung.

Adik-beradik itu kemudian dipercayai telah menjemput kekasih masing-masing dan seorang lagi rakan lelaki bersama kekasihnya untuk berseronok.

Difahamkan, salah seorang daripada adik-beradik itu merupakan seorang duda dengan dua anak.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdulah berkata, polis telah menyerbu rumah itu pada pukul 2 pagi selepas menerima maklumat daripada pasukan polis yang menyertai 'Ops Lejang' yang ternampak sebuah kereta Proton Perdana yang mencurigakan diletakkan berhampiran rumah itu.

Bertindak atas maklumat itu, polis menghantar sepasukan anggota polis lain untuk membuat pemeriksaan terhadap kereta dan rumah tersebut.

"Ketika polis mengetuk pintu rumah itu, penghuninya lambat membuka pintu.

"Sebaik pintu dibuka kita melihat ada tiga pasangan kekasih dalam keadaan tidak terurus di dalam rumah itu," kata beliau di sini semalam.

Menurut beliau, siasatan mengesyaki tiga pasangan kekasih yang berusia 22 hingga 28 tahun itu sedang berseronok di dalam rumah itu sebelum dikejutkan dengan kehadiran polis.

Abdul Rahim memberitahu, siasatan terhadap ketiga-tiga lelaki itu kemudian menemui dua kunci kereta yang disimpan di dalam poket seluar yang dipakai oleh rakan kepada dua beradik itu.

"Selepas didesak, lelaki itu membawa polis ke kereta Proton Perdana yang diletak berhampiran

rumah itu dan memberitahu ia adalah kereta dipinjam daripada seorang penunda trak," ujar beliau.

Kata beliau, semakan terhadap nombor pendaftaran kereta itu mendapati ia nombor pendaftaran palsu dan kereta tersebut dilaporkan hilang

Sebaik pintu dibuka tiga pasangan kekasih dalam keadaan tidak terurus berada di dalam rumah itu

ABDUL RAHIM

Khamis lalu di kawasan Gombak.

Polis kemudian menahan seorang penunda trak berusia 20 tahun pada hari sama di Kampung Wira Damai di Pinggiran Batu Caves di sini.

"Bersama penunda trak suspek keempat itu, polis merampas sebuah kereta Perodua Kelisa yang dilaporkan hilang di Sentul awal bulan ini," kata beliau.

Suspek keempat itu disyaki telah mencuri lapan buah kereta di Lembah Klang.

Tambah beliau, dua beradik itu ditahan kerana menghisap dadah syabu manakala rakan kepada dua beradik itu ditahan bagi membantu siasatan kes mencuri kenderaan.

Bagaimanapun, ketiga-tiga wanita itu dibebaskan selepas keterangan mereka diambil.